

# RIWAYAT HIDUP ULAMA ISLAM YANG KEBILANGAN

## AL-IMAM AL-SHĀFI'Ī PEMBENTUK ULAMA USŪL AL-FIQH

Zahir di bandar Gaza atau Asqalan (Palestin) pada tahun 150 H. Ia berasal dari keturunan Quraish dan bertemu nasibnya (sumur keluarganya) dengan Rasulullah ṣallā Allāh ‘alaihi wa sallam pada moyangnya ‘Abdul Manāf. Tatkala ayahnya meninggal dunia ia telah dibawa oleh ibunya ke mekah dalam masa umurnya dua tahun.

Ia telah besar panjang dalam keadaan miskin dalam peliharaan ibunya. Dalam masa ia mengaji Quran telah diangkat menjadi khalifah gurunya mengajar murid-murid yang sepengajian dengannya. Bagaimana ia cekal menuntut ilmu telah ditulis oleh al-Shafi'ī sendiri, katanya:

“Setelah saya hadam Quran, saya pun pergi ke Masjid al-Ḥarām mendengar alim ulama mengajar lalu saya hafaz akan hadis atau suatu masalah yang dibahaskan itu. Apa-apa yang saya pelajari itu saya catit pada tulang dan manakala bertambah banyak saya pin turunkan pada pelepah kurma.” Sehingga ia berkata: “Saya pun meninggalkan Mekah lalu tinggal di luar Mekah bercampur gaul dengan kabilah “Huzayl” mendalami Bahasa Arab, kerana kabilah ini ialah sefasih-fasih bangsa Arab.”

Tidak syak lagi dengan pergaulan itu ia telah dapat

mendalami pengetahuan tentang Bahasa Arab dan syair yang telah menolongnya pada memahami makna-makna al-Quran dan hadis dan telah menjadikan dia seorang ahli bahasa yang kebilangan.

Menurut riwayat al-Ṣama'ī, setelah al-Shafi'ī mendalami ilmu pengetahuannya tentang Bahasa Arab seperti yang disebutkan di atas, maka baliklah ia ke mekah lalu belajar hadis dan ilmu fekah kepada al-Shaybāni bin ‘Aybnah dan Muslim bin Khālid, sehingga ia hafiz akan kitab hadis “*al-Muwattā'*”. Ia telah belajar ke Madinah lalu belajar kepada Imam Mālik, dan telah berkekalan menuntut kepadanya sehingga Imam Mālik meninggal dunia pada tahun 179 H.

Setelah itu berlarilah al-Shafi'ī ke negeri Yaman menuntut ilmu. Bukan sahaja ilmu agama bahkan ia telah menuntut ilmu falak dan ilmu al-Ṭib (perubatan). Dari sana ia telah berlayar ke Baghdad lalu tinggal dua tahun di dalamnya.

setelah puas menuntut dan berjumpa alim ulama Baghdad maka al-Shafi‘ī pun balik ke Mekah. Apda tahun 198H sekali lagi ia berlayar ke Baghdad ke Mesir dan berkekalan ia di sana lalu meninggal dunia di Mesir pada tahun 204H.

Dalam masa ia berada di Baghdad, ia telah berhubung dengan Muḥammad bin Ibn al-Ḥasan sahabat Abū Ḥanīfah lalu belajar daripadanya ilmu fekah Abū Ḥanīfah. Tentang ini Ibn Hajar berkata:

“Kemasyhuran ilmu fekah di Madinah telah berakhir kepada Mālik bin Anas, al-Shafi‘ī pun belajar lalu menuntut kepadanya. Dan kemasyhuran ilmu fekah di Iraq telah berakhir kepada Abū Ḥanīfah, al-Shafi‘ī pun menuntut kepada Muḥammad bin al-Ḥassan sahabat Abū Ḥanīfah. Dengan itu telah berhimpun kepada Imām Shāfi‘ī alim ahli hadis (Madinah) dan ilmu ahli al-Ra‘ī (Iraq).

Ia pun menggunakan kedua-duannya lalu membentuk usul dan kaedah-kaedah ilmu fekah, sehingga tunduk kepadanya pihak yang bersetuju dan pihak yang menyalahi. Maka mesyuaratlah ia dan tinggillah kedudukannya seperti yang telah dicapainya.”

Ahli-ahli tarikh sekata tentang kecerdasan akalinya kepetahan lidahnya dan keandalannya berbahas, buka itu sahaja bahkan ia mempunyai kemahiran yang istimewa tentang istinbad” (mengeluarkan hukum dari punca yang sebenar).

Ahli-ahli tarikh juga mengakui bahawa pengetahuannya tentang Bahasa Arab dan persuratan sangtalah luas dan meliputi.

Harus, disebabkan perhubungan Imam Shafi‘ī dengan alim ulama sahabat-sahabat Abū Ḥanīfah dan kaedah-kaedah yang didapatinya daripada kitab-kitab Muḥammad bin Abū al-Ḥassan serta pengetahuannya akan kaedah ilmu fekah ulama Iraq, menjadikan dia memandag bahawa

tidak elok menggunakan kaedah mereka yang tersebut dan tidak elok juga ditinggalkan. Ilmu qiyas menurut kaedah mereka adalah suatu jalan peraturan yang betul, tetapi menurut Imam Shafi‘ī: qiyas itu tidaklah boleh digunakan lepas bebas bahkan tak dapat tiada hendaklah dibelakangkan kemudian daripada hadis-hadis sahih. Mereka juga (ulama Iraq yang bermazhab Ḥanafī) ada pula mempunyai kaedah “*al-Tafrīq*” (membahaskan kepada beberapa cabang) akan masalah-masalah yang banyak daripada asalnya mereka juga mempunyai kaedah berbahasa dan mengambil dalil dengan sesuatu maslahat dan memperhubungkan hukum yang bersamaan dengan yang bersamaan denganya, dan seterusnya. Maka Imam Shafi‘ī memandag elok menambahkan semua ilmu-ilmu ulama Iraq yang tersebut kepada ilmu-ilmu yang dituntutnya di negeri Hijjaz, pertama kepada ilmu bahasa dan persuratannya, dan yang akhirnya kepada ilmu istinbad. Kedua-dua segi ini, Imam Shafi‘ī telah mendapat kaedah daripadanya dan dengan itu terbentuklah sahsiahnya menjadi pengasas “mazhab Shafi‘ī” yang telah dihebahkan di Iraq pada tahun 195H dengan mendapat pengikut daripada alim Ulama Iraq yang terkenal seperti Abū ‘Alī al-Ḥussīn bin ‘Alī al-Karābīsī, Abū Thūr al-Kalbī dan Abū ‘Alī al-Za‘farānī, tidak berapa antaranam ia telah berpindah ke mesir dan di san aia telah merencanakan kebanyakan kitab-kitabnya.

Demikianlah sudut riwayat hidup al-Imam Muḥammad Idrīs al-Shafi‘ī raḍī Allāh ‘anh seorang imam mazhab yang kebilangannya yang mempunyai mengikut dari seratus juta umat Islam termasuk orang-orang melayu dan Indonesia bumiputera semenanjung dan kepulauan Melayu.

\*

Pada bilangan yang akan datang dibentangkan cara Imam Shafi‘ī berjihad dan mejalankan qiyas, dan juga banyangan sepintas lalu tentang kitabnya “*al-‘Um*” – P.